

Kajian Kualiti Hidup Masyarakat Nelayan Pesisir Pantai Negeri Kedah *A study of Quality of Life of Coastal Malay community in Kedah*

Open
Access

Mohd Nazaruddin Yusoff^{1,*}, Azlizan Talib¹, Rohana Yusof¹

¹ Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 16 November 2017

Received in revised form 10 December 2017

Accepted 12 December 2017

Available online 28 December 2017

ABSTRACT

Negara kita Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat, namun masih terdapat masyarakat yang tersisih dari arus kemajuan, pembangunan dan pemodenan. Kajian kualiti hidup masyarakat Melayu pinggir pantai telah dilakukan di kawasan Negeri Kedah. Kajian dilakukan di empat kawasan pinggir pantai iaitu Pulau Langkawi, Kuala Muda, Yan dan Kuala Sanglang. Kajian ini melibatkan 250 ketua isi rumah (KIR) yang menetap di kawasan pinggir pantai. Analisis yang telah dijalankan dapatan mendapati terdapatnya permasalahan yang dikenalpasti telah mempengaruhi kualiti hidup masyarakat melayu. Oleh yang demikian kajian ini dapat meneliti kualiti hidup masyarakat melayu pesisir pantai agar mereka ini tidak ketinggalan dari arus kemodenan, kemajuan dan pembangunan dari pelbagai aspek, terutama dari segi ekonomi dan sosial.

Our country Malaysia has achieved rapid economic growth, but there are still societies out of progress, development and modernization. The study of quality of life of coastal Malay community was conducted in Kedah. The study was conducted in four coastal areas namely Langkawi Island, Kuala Muda, Yan and Kuala Sanglang. The study involved 250 household heads (KIRs) who reside in coastal areas. An analysis of the findings show that there are many problems have influenced the quality of Malay society in coastal areas. Therefore, this study is to examine the quality of life of coastal Malaysians so that they are not left behind from the modernization and development of various aspects, especially in economic and social.

Keywords:

Pinggir pantai, masyarakat melayu, Kedah

Pinggir pantai, masyarakat melayu, Kedah

Copyright © 2017 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Kawasan pesisir pantai sudah diketahui kepentingannya semenjak zaman perkembangan manusia lagi. Keadaan ini bertitik tolak dari perkembangan bandar-bandar purba yang terletak di lokasi pesisir pantai dan muara sungai, khususnya di rantau Eropah dan Asia. Kawasan pesisir

* Corresponding author.

E-mail address: nazaruddin@uum.edu.my (Mohd Nazaruddin Yusoff)

pantai yang sering dikaitkan dengan pelbagai kesan negatif akibat pertumbuhan industri, penerokaan sumber asli, pelancongan dan urbanisasi. Menurut Fabbri [1], kawasan pesisir pantai dan sumber alam amat penting bagi perkembangan ekonomi serta sosial sesebuah negara yang dikelilingi laut. Hal ini disebabkan oleh hampir setengah daripada penduduk dunia menginap, bekerja serta menjalankan aktiviti perdagangan di zon pesisir pantai.

Namun begitu, masalah kawasan pesisir pantai juga sering menjadi penghalang utama perkembangan ekonomi [2]. Disebabkan itu, pengurusan kawasan pesisir pantai perlu melibatkan koordinasi, strategi, pengawasan, pembangunan tanah, rezab sumber serta komunikasi yang berkesan. Tanpa elemen-elemen tersebut, kawasan pesisir pantai tidak akan mencapai perkembangan ekonomi yang diharapkan. Hal ini kerana negara-negara maju mampu memperkembangkan pesisir pantai sebagai lokasi perkembangan ekonomi berlandaskan kepada amalan perancangan yang baik. Tanpa elemen perancangan yang berkesan, sudah pasti sumber ekonomi kawasan pesisir pantai tidak mampu diterokai dengan berkesan untuk kebaikan bersama.

Di Negara kita, kawasan pesisir pantai kebanyakannya didiami oleh masyarakat berbangsa Melayu dan secara tradisinya mereka merupakan komuniti nelayan pantai. Selain itu, masyarakat ini juga sering dikaitkan dengan hasil tangkapan yang rendah dan mempunyai pendapatan di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Hal ini bukan sahaja disebabkan oleh faktor cuaca seperti musim tengkujuh, tetapi juga disebabkan oleh kekurangan modal dan teknologi, serta kekurangan pengetahuan mencari pasaran, kemahiran kerja serta motivasi untuk menjadi nelayan usahawan.

2. Penyataan Masalah

Aspek kualiti hidup masyarakat di pesisir pantai berhadapan dengan pelbagai ancaman atau permasalahan. Permasalahan ini wujud akibat daripada pembangunan yang tidak terancang dan seterusnya menjadi faktor utama penghalang kepada pembangunan lestari di pesisir pantai. Antara permasalahan tersebut adalah pencemaran, kesan tsunami, sosio-ekonomi, pencemaran dari penempatan nelayan, efluen dari kolam akuakultur, penambakan dan perlombongan pasir, ekopelancongan, penebusgunaan tanah hutan paya laut atau bakau dan kekurangan kemudahan asas seperti infrastruktur jalan raya dan bekalan air bersih.

Disamping itu, kelemahan pengurusan seperti kekurangan bantuan dan sokongan dari pihak berwajib membantutkan lagi proses perkembangan sosio-ekonomi masyarakat pesisir pantai. Disebabkan masalah pembangunan ini wujud dalam masyarakat pesisir pantai, secara tidak langsung ini akan menjadi penghalang utama pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk meneliti permasalahan komuniti Melayu pesisir pantai agar tidak ketinggalan dari arus kemodenan, kemajuan dan pembangunan dari pelbagai aspek, terutama dari segi ekonomi dan sosial. Maka, kajian ini akan meneliti isu masyarakat Melayu pesisir pantai secara menyeluruh bagi peningkatan kualiti hidup masyarakat ini.

3. Objektif Kajian

Antara objektif umum kajian ini adalah untuk menganalisis sejauhmanakah kualiti hidup masyarakat Melayu pesisir pantai di kawasan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) Kedah.

Objektif khusus untuk kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti taraf sosio-ekonomi masyarakat Melayu pesisir pantai.

2. Mengenalpasti permasalahan masyarakat Melayu pesisir pantai.
3. Menganalisis impak program-program pembangunan yang telah dilaksanakan ke arah peningkatan kualiti hidup.

3.1 Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian ini dapat digunakan dan dijadikan panduan oleh pihak-pihak tertentu bagi merangka polisi atau dasar untuk membantu masyarakat Melayu pesisir pantai di kawasan NCER. Hal ini adalah untuk meningkatkan taraf hidup dan taraf sosio-ekonomi masyarakat Melayu pesisir pantai supaya tidak ketinggalan dalam arus kemajuan, pembangunan dan permodenan. Dari aspek program-program yang telah dilaksanakan, hasil kajian ini dapat membantu atau menjadi panduan kepada pihak kerajaan dalam merangka pelan strategik yang lebih menyeluruh dan bersistematik agar kualiti hidup masyarakat Melayu pesisir pantai dapat ditingkatkan.

3.2 Skop Kajian

Kajian ini telah dijalankan di empat kawasan pesisir pantai yang terdapat di kawasan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di negeri Kedah. Kawasan-kawasan tersebut adalah Pulau Langkawi, Kuala Sanglang, Kuala Muda dan Yan. Pemilihan kawasan ini adalah kerana majoriti masyarakat yang mendiami kawasan pesisir pantai ini adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam.

3.3 Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)

Wilayah Ekonomi Koridor Utama (*Northern Corridor Economic Region*, NCER) merangkumi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara. Pihak kerajaan telah membentuk satu badan pelaksana yang telah diperbadankan untuk mencapai objektif-objektif penubuhan NCER. Badan tersebut dikenali sebagai Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Penubuhan NCIA bertanggungjawab untuk menjayakan dua objektif utama iaitu:

1. Untuk menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan kawasan NCER supaya menjadi sebuah wilayah ekonomi yang bertaraf dunia dan menjadi destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan; dan
2. Untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mampan diutamakan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam NCER.

4. Limitasi Kajian

Kajian ini hanya melibatkan empat kawasan pesisir pantai di negeri Kedah, iaitu Pulau Langkawi, Kuala Sanglang, Kuala Muda dan Yan. Kajian ini hanya memilih empat kawassan pesisir pantai sahaja kerana terdapat masalah dari segi kekangan masa dan masalah jarak.

4.1 Masyarakat Pesisir Pantai

Masyarakat merujuk kepada sekumpulan manusia yang tinggal di kawasan tertentu, mempunyai perkongsian ciri-ciri bersama, nilai dan norma serta identiti bersama [3]. Hal ini bermaksud masyarakat mempunyai kehomogenan serta interaksi bersemuka. Bagi definisi pesisir pantai, Nor Hayati [4] dan Abdul Rahman [5] berpendapat pesisir pantai di Malaysia dapat dikategorikan kepada empat ciri-ciri utama, iaitu:

1. Masyarakat yang tinggal berhampiran dengan pantai
2. Masyarakat merangkumi nelayan dan bukan nelayan
3. Masyarakat menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi tradisional
4. Masyarakat dalam konteks satu bentuk masyarakat terpinggir yang kebanyakan berada di kawasan luar bandar.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa [6] pula menyatakan Kawasan pesisiran pantai merangkumi kawasan 5 km ke sebelah darat (*back shore*) dan 16.1km nautika ke sebelah laut dari paras purata air pasang perbani (*shore front*). Kajian berkaitan pembangunan masyarakat telah banyak dijalankan di Malaysia, antaranya kajian oleh Mokhzani [7] dan Abdul Rahman [8]. Antara faktor yang menarik minat para pengkaji kerana masyarakat di Malaysia masih mengekalkan ciri-ciri kemasyarakatan, misalnya dari segi ikatan kekeluargaan dan kejiranan, aktiviti-aktiviti seperti gotong-royong dan sebagainya. Namun, kajian-kajian lepas tidak memberi tumpuan kepada masyarakat pesisir pantai. Kebergantungan masyarakat pesisir pantai terhadap alam semula jadi menyebabkan kehidupan dan persekitaran mereka berlainan berbanding masyarakat lain yang terdapat di Malaysia.

Bagi kajian berkaitan masyarakat Melayu di pesisir pantai, Ungku Aziz [9] telah menjalankan kajian di Beserah, Pahang khusus mengenai masyarakat pesisir pantai di kalangan nelayan berbangsa Melayu. Hasil kajian mendapati hanya 30% daripada perahu dan pukuk-pukuk itu dimiliki oleh orang yang menggunakannya. Barang-barang modal yang besar dimiliki oleh pedagang ikan dan juragan di bawah penguasaan ekonomi pedagang ikan tertentu. Nelayan yang tidak memiliki alat pengeluaran, khususnya perahu dan pukuk terpaksa membayar sewa yang mengundang kepada pelbagai isu seperti penindasan dan pengabaian. Justeru, penghapusan kemiskinan di kalangan masyarakat Melayu harus dimulakan dengan menghapuskan penindasan, meninggikan daya usaha melalui pelajaran dan peningkatan teknologi moden ke dalam kegiatan ekonomi desa.

Ibrahim dan Nor Hayati [10] pula menyatakan nilai dan sikap nelayan terhadap pekerjaan sebagai nelayan agak negatif. Sebahagian besar ketua keluarga mahu anak-anak mereka "keluar dari lingkaran" untuk tidak bekerja sebagai nelayan. Ramai generasi muda di Besut tidak lagi cenderung untuk menjadi nelayan. Umumnya, kajian yang dilakukan dan diterbitkan secara khusus mengenai masyarakat pesisir pantai secara lebih mendalam dan memberi tumpuan kepada bangsa Melayu sahaja masih kurang. Sepertimana dinyatakan di atas, hanya kajian oleh Ungku Aziz [9] sahaja secara khusus adalah mengenai masyarakat pesisir pantai di kalangan Melayu.

4.2 Kualiti Hidup

Terdapat pelbagai definisi yang dikemukakan mengenai kualiti hidup. Antara definisi kualiti hidup yang digunakan di Malaysia ditakrifkan merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, pencapaian dan kebebasan untuk memperolehi pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu, mencapai tahap kesejahteraan sosial yang seiring dengan hasrat negara. Apabila sesebuah masyarakat beralih kepada suasana kehidupan yang pada amnya lebih baik, maka kualiti hidupnya dianggap telah meningkat [11].

Konsep kualiti hidup merangkumi dua bidang utama iaitu objektif dan subjektif. Kualiti hidup objektif merupakan perkara yang berkaitan dengan kehendak sosial dan budaya seperti material, status sosial dan kesihatan diri. Kualiti hidup subjektif pula merujuk kepada keadaan di mana individu merasa bahagia dan puas dalam kehidupannya. Petunjuk pula

merupakan alat pengukuran yang boleh digunakan dengan berkesan oleh pelbagai pihak berkepentingan bagi menilai pencapaian masyarakat tertentu [12].

Azahan *et al.* [13] berpendapat kelangsungan kualiti hidup dilihat dalam konteks agen iaitu individu di dalam masyarakat sesebuah bandar itu sendiri. Penerimaan masyarakat terhadap persekitaran bandar tergambar melalui kesediaan diri penduduk yang tinggi. Akses yang baik juga digambarkan melalui kemampuan penduduk menggunakan kemudahan yang disediakan di kawasan bandar. Persekitaran bandar merupakan struktur yang sedia ada di kawasan bandar dan menjadi asas kepada komponen kesediaan diri dan akses bandar yang didasari oleh agen atau individu kepada masyarakat bandar.

5. Kaedah Kajian

Demi mencapai objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan, kajian ini menggunakan data daripada data premier iaitu kaji selidik sebagai data utama. Data kaji selidik dikumpul daripada ketua isi rumah (KIR) Melayu yang menetap di pesisir pantai kawasan kajian.

5.1 Saiz Sampel

Populasi dapat ditakrifkan sebagai manusia yang tinggal di dalam suatu kumpulan atau sesuatu perkara yang menarik minat penyelidik. Sampel pula merupakan sebahagian daripada populasi dan diperlukan supaya dapat menjimatkan masa, sumber kewangan dan sumber manusia, terutama jika melibatkan saiz populasi yang besar [14]. Oleh itu, populasi bagi kajian ini adalah penduduk yang berada di negeri Kedah (salah satu negeri NCER) dan sampel kajian pula terdiri daripada ketua isi rumah Melayu yang menetap di kawasan pesisir pantai. Saiz sampel bagi kajian ini adalah 250 responden yang dipilih secara persampelan rawak mudah. Soal selidik bagi kajian ini dibentuk berdasarkan kepada kajian-kajian lepas dan diubahsuai mengikut kesesuaian kajian.

5.2 Analisis Data


Selepas kutipan data dilakukan, data tersebut akan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Sosial Sciences* (SPSS). Data-data dianalisis mengikut keperluan soalan-soalan yang menjadi tumpuan kajian bagi mencapai objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan. Analisis tersebut merangkumi analisis deskriptif bagi mendapatkan nilai kekerapan dan peratusan. Hasil dapatan daripada analisis tersebut dipersembahkan melalui graf dan jadual.

5.3 Analisis Diskriptif


Responden kajian terdiri daripada KIR Melayu yang menetap di empat kawasan pesisir pantai (dalam lingkungan 1-2 km dari persisiran pantai) iaitu Langkawi, Kuala Muda, Yan dan Kuala Sanglang. Sebanyak 250 borang kaji selidik telah diedar dan dikutip untuk dianalisis bagi mendapatkan gambaran awal tentang data dan pembolehubah kajian dengan lebih terperinci. Bahagian ini bermula dengan maklumat latar belakang KIR, taraf sosio-ekonomi masyarakat dan permasalahan masyarakat.

5.4 Profil Isi Rumah (IR)

Maklumat KIR meliputi aspek demografi, jantina, umur, tahap pendidikan, status perkahwinan, pekerjaan utama, jumlah ahli isi rumah (AIR) dan kemahiran yang dimiliki. Rajah 1 menunjukkan kawasan kajian meliputi Pulau Langkawi (63 KIR), Kuala Muda (62 KIR), Yan (62 KIR) dan Kuala Sanglang (63 KIR). Manakala Rajah 2 menunjukkan kampung yang terlibat bagi kajian ini.



Rajah 1. Kawasan Kajian




Rajah 2. Kampung

Dari aspek jantina (Rajah 3) pula, 94% KIR terdiri daripada lelaki dan baki 6% adalah KIR perempuan. Umur (Rajah 4) KIR adalah diantara 23 hingga 73 tahun, kebanyakan KIR berumur di antara 40 hingga 49 tahun (84 KIR). Selain itu, terdapat juga KIR yang berada di dalam lingkungan umur 21 hingga 29 tahun (17) KIR. Terdapat 52 KIR yang berumur di antara 30 hingga 39 tahun dan 62 KIR yang berumur diantara 50 hingga 59 tahun. Baki 35 KIR lagi terdiri daripada KIR yang berumur melebihi 60 tahun.




Rajah 3. Jantina




Rajah 4. Umur

Pendidikan KIR pula, Rajah 5 menunjukkan 56% KIR mempunyai tahap pendidikan sehingga tingkatan lima atau mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seramai 53 KIR mempunyai tahap pendidikan sehingga tingkatan 3 (PMR). Selain itu, terdapat juga KIR yang hanya mendapat pendidikan pada tahap sekolah rendah sahaja iaitu sebanyak 5.6%.

Hasil dapatan juga menunjukkan hanya enam KIR sahaja yang mendapat pendidikan sehingga tingkatan enam (STPM). Selain tahap persekolahan biasa, terdapat juga KIR yang mempunyai tahap pendidikan vokasional dan teknik (20 KIR); dan institut kemahiran teknikal (7 KIR). Status perkahwinan KIR (Rajah 6) pula menunjukkan 86.4% KIR adalah berkahwin dan 14 KIR dari golongan belum berkahwin (bujang). Baki 20 KIR lagi adalah janda atau duda.



Rajah 5. Pendidikan




Rajah 6. Status


Dalam aspek pekerjaan (Rajah 7) pula, dapatan kajian menunjukkan 70.8% KIR terdiri daripada nelayan. Ini kerana kebanyakan masyarakat pantai bekerja sebagai nelayan. Selain itu, terdapat juga KIR yang bekerja sebagai peniaga (15.6%) dan petani (2%). Terdapat juga KIR yang terlibat di dalam sektor kerajaan (0.8%) dan swasta (10.8%). KIR yang terlibat di dalam sektor

kerajaan terdiri daripada guru dan kerani di jabatan kerajaan, manakala KIR yang terlibat di dalam sektor swasta terdiri daripada KIR yang berkerja sendiri dan tukang cuci.

Selain pekerjaan utama yang dilakukan, terdapat juga KIR yang menjalankan pekerjaan sampingan. Walau bagaimanapun, hanya 36 KIR sahaja yang mempunyai pekerjaan sampingan. Rajah 8 menunjukkan KIR hanya terlibat di dalam tiga jenis pekerjaan sampingan sahaja iaitu berniaga (50%), bertukang (42%) dan mekanik (8%).




Rajah 7. Pekerjaan




Rajah 8. Pekerjaan Sampingan

Dari sudut kemahiran yang dimiliki, Rajah 9 menunjukkan 40.4% KIR didapati tidak memiliki sebarang kemahiran. Kebanyakan KIR mempunyai kemahiran di dalam pertukangan (27.6%) iaitu seperti tukang rumah, paip dan besi. Selain itu, terdapat juga KIR yang mempunyai kemahiran di dalam bidang mekanik atau automotif (12.4%), elektronik (3.2%) dan bakat (16.4%). Kemahiran bakat adalah seperti menjahit, kraftangan, Andaman dan masakan. Secara tidak langsung, kemahiran yang dimiliki ini dapat digunakan untuk menjana pendapatan sampingan. Namun, hanya 50 KIR sahaja yang menggunakan kemahiran yang dimiliki untuk menjana pendapatan sampingan. Antara sebab yang dinyatakan untuk tidak menggunakan kemahiran yang dimiliki adalah faktor usia, kekangan masa dan tidak pasti.



Rajah 9. Kemahiran


Dapatan bagi jumlah tanggungan (Rajah 10) menunjukkan 198 KIR mempunyai tanggungan (Ahli isi rumah/AIR) tidak melebihi lima orang, manakala 52 KIR mempunyai tanggungan melebihi lima orang. AIR paling ramai adalah seramai 10 orang.




Rajah 10. Jumlah AIR

5.5 Taraf Hidup

Dimensi taraf hidup terdiri daripada lima indikator, iaitu pendapatan, perbelanjaan, perumahan, aset dan jaminan kewangan. Rajah 11 menunjukkan 66% KIR mempunyai pendapatan tidak melebihi RM1000. Dapatan juga menunjukkan hanya 84 KIR mempunyai pendapatan di antara RM1001 hingga RM1500. Hanya dua KIR yang mempunyai pendapatan melebihi RM1500. Dari aspek perbelanjaan pula, Rajah 12 menunjukkan 65% KIR melakukan perbelanjaan bulanan di antara RM501 hingga RM1000. Sebanyak 68 KIR melakukan perbelanjaan bulanan tidak melebihi RM500 dan hanya 19 KIR yang melakukan perbelanjaan bulanan melebihi RM1000. Perbelanjaan bulanan yang dilakukan adalah seperti perbelanjaan untuk dapur/makan, bil air, elektrik, ASTRO dan internet, ansuran kenderaan dan rumah, rawatan kesihatan, pendidikan dan pinjaman.



Rajah 11. Pendapatan



Rajah 12. Perbelanjaan


Dari sudut perumahan (Rajah 13) pula, kebanyakan KIR tinggal di rumah sendiri (87%). Hanya 30 KIR tinggal secara memumpang iaitu tinggal bersama ibu bapa atau saudara mara, dan hanya dua KIR sahaja yang menyewa. Secara keseluruhannya hanya 18 KIR sahaja yang menerima bantuan perumahan iaitu dari Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan Rumah Mesra Rakyat

(RMR). Seterusnya, didapati 94% jenis rumah terdiri daripada rumah jenis kampung dan 68% tanah yang didiami oleh KIR sekarang adalah tanah rizab atau tanah milik kerajaan.



Rajah 13. Perumahan

Selain perumahan, aset juga berperanan dalam menentukan taraf hidup individu. Aset bagi kajian ini terdiri daripada kenderaan yang digunakan oleh KIR untuk bekerja. Kebanyakan KIR mempunyai kereta dan motosikal, manakala hanya nelayan sahaja yang memiliki bot dan terdapat juga KIR yang mempunyai van dan lori yang digunakan untuk berniaga. Selain itu, hasil kajian juga mendapati sebanyak 92% KIR melakukan pinjaman untuk membiayai keperluan seharian. Hal ini kerana hampir 94% KIR tidak mempunyai simpanan yang dapat digunakan jika berlaku sebarang kecemasan. Disebabkan itu, KIR melakukan pinjaman daripada ahli keluarga (50%), kawan-kawan (40%), pinjaman berlesen (bank/Amanah Ikhtiar Malaysia) (2%) dan majikan (2%). Rajah 14.




Rajah 14. Sumber Pinjaman


5.6 Kesihatan

Dimensi kesihatan terdiri daripada indikator penyakit, akses kesihatan, merokok dan penyalahgunaan dadah. Hasil kajian mendapati hanya 4% sahaja KIR yang tidak mempunyai penyakit. Kebanyakan KIR mempunyai penyakit darah tinggi (96 KIR), kencing manis (78 KIR), sakit sendi (29 KIR) dan asma (22 KIR). Selain itu, terdapat juga KIR yang menderita sakit buah pinggang, kanser, jantung, TB dan OKU. Walau bagaimanapun, 87% IR tidak mempunyai sebarang masalah dalam mendapatkan perkhidmatan daripada hospital atau klinik kerajaan. Hanya 13% sahaja yang mempunyai masalah dalam mendapatkan rawatan di hospital atau klinik kerajaan. Masalah-masalah tersebut terdiri daripada kewangan, jarak/pengangkutan dan perkhidmatan yang tidak efisien daripada pihak hospital atau kerajaan.

Selain penyakit, dapatan kajian juga mendapati 95% IR merokok (Rajah 17) masih terdapat hampir 20% IR yang terlibat di dalam penyalahgunaan dadah (Rajah 18). Hal ini menunjukkan masyarakat Melayu pesisir pantai mempunyai kesedaran yang rendah dalam tabiat merokok dan tentang bahaya merokok. Bagi penyalahgunaan dadah (termasuk hidu gam dan daun ketum), ketagihan tersebut dirawat dengan kaedah tradisional, pusat Cure n Care, hospital dan pusat serenti.




Rajah 15. Penyakit



Rajah 16. Akses Kesihatan



Rajah 17. Merokok




Rajah 18. Penyalahgunaan Dadah


5.7 Pendidikan

Dimensi pendidikan pula terdiri daripada tiga indikator iaitu persekolahan, celik huruf dan kemahiran dalam teknologi maklumat (ICT). Bagi indikator persekolahan, Rajah 19 menunjukkan hanya 18 IR sahaja yang masih mempunyai AIR yang berumur 7 hingga 18 tahun yang patut bersekolah tetapi tidak bersekolah. Hal ini disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh KIR dan menyebabkan mereka tidak mampu untuk menyekolahkan anak-anak. Bagi indikator celik huruf pula, hanya enam IR sahaja yang mempunyai AIR yang berumur 7 hingga 18 tahun yang tidak dapat menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.


Teknologi maklumat (ICT) memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Bagi kajian ini, ICT dikenalpasti melalui kemahiran KIR dalam menggunakan komputer termasuk akses kepada internet. Rajah 21 menunjukkan 86% KIR berada dalam kategori tidak mahir dalam mengendalikan komputer dan hanya 32 KIR sahaja yang mahir dalam mengendalikan komputer. Dapatan ini menunjukkan tahap kemahiran komputer yang dimiliki oleh masyarakat Melayu pesisir pantai masih tidak memuaskan.



Rajah 19. Persekolahan




Rajah 20. Celik Huruf




Rajah 21. Kemahiran ICT

5.8 Kemasyarakatan

Dimensi kemasyarakatan terdiri daripada tiga indikator iaitu keselamatan, masyarakat dan kekeluargaan. Rajah 22 menunjukkan 48% KIR menyatakan kawasan yang mereka diami sekarang adalah tidak selamat dan 49% pula menyatakan kawasan yang mereka diami sekarang adalah selamat.



Rajah 22. Keselamatan



Rajah 23. Hubungan Kemasyarakatan

Dari aspek kemasyarakatan Rajah 23 pula, didapati hubungan sesama masyarakat adalah erat (72%). Ini menunjukkan hubungan di antara masyarakat melayu pesisir pantai adalah baik dan memuaskan. Bagi indikator kekeluargaan pula, didapati 77% KIR mempunyai hubungan yang tidak erat sesama ahli keluarga. Ini menunjukkan masyarakat Melayu pesisir pantai mempunyai masalah di dalam institusi kekeluargaan.

5.9 Permasalahan Masyarakat

Berdasarkan Rajah 24, permasalahan yang paling tinggi dikesan bagi kawasan pesisiran pantai negeri Kedah ialah masalah kemudahan asas iaitu dengan nilai peratusan sebanyak 86.8%. Masalah buruh asing dan pengangguran juga dilihat telah memberi masalah kepada masyarakat di kawasan pesisiran pantai dengan mencatatkan nilai peratusan permasalahan sebanyak 67.6% dan diikuti dengan permasalahan pencemaran di kawasan pesisir pantai (67.2%). Selain itu, peratusan permasalahan masyarakat yang paling rendah bagi negeri Kedah ini ialah masalah kesan daripada akuakultur dengan peratusan hanya sebanyak 0.4%. Antara permasalahan lain yang dikenalpasti menjadi permasalahan bagi masyarakat pesisir pantai ialah penyalahgunaan dadah (63.6%), masalah persekitaran dan kesihatan (56.8%), masalah pencemaran dari penempatan nelayan (52.4%), kedudukan yang tidak strategik (41.6%), kesan tsunami (40.4%), kemiskinan (30%), isu keselamatan masyarakat sempadan dan pesisir pantai serta tiada program pembangunan daripada pihak kerajaan (26.4%), masalah banjir (10.8%), masalah ekopelancongan (8.4%), masalah hakisan muara dan pantai (3.6%), masalah penambakan dan perlombongan pasir serta masalah penubsgunaan tanah hutan paya bakau (1.2%).




Rajah 24. Permasalahan Masyarakat

Sebanyak 64.4% daripada 250 KIR menyatakan masalah yang dihadapi oleh mereka ini telah mempengaruhi kehidupan mereka manakala 12% daripada jumlah KIR menyatakan permasalahan yang wujud ini sangat mempengaruhi kehidupan mereka. Sebanyak 8.8% KIR menyatakan bahawa

masalah-masalah yang mereka hadapi tidak mempengaruhi kehidupan mereka manakala 7.6% daripada jumlah KIR menyatakan bahawa masalah tersebut langsung tidak mempengaruhi kehidupan mereka. Sebanyak 7.2% lagi menyatakan bahawa mereka tidak pasti sama ada masalah yang wujud di dalam Rajah 24 itu mempengaruhi kehidupan mereka atau tidak.


Berdasarkan Rajah 25, sebanyak 50% KIR telah menerima bantuan daripada program ekonomi manakala sebanyak 40.8% KIR tidak menerima apa-apa bantuan. Sebanyak 3.6% KIR telah menerima bantuan dari program modal insan manakala 2.4% kir telah menerima bantuan dari program kebajikan.



Rajah 25. Jenis Bantuan Yang Diperolehi

5.10 Program-program Pelaksanaan

Berdasarkan Rajah 26, sebanyak 53.2% KIR telah menerima bantuan daripada LKIM dan 44% KIR tidak menerima bantuan daripada mana-mana agensi. Sebanyak 1.2% daripada jumlah responden telah menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat manakala sebanyak 0.8% KIR telah menerima bantuan daripada Jabatan Zakat Negeri. Masing-masing sebanyak 0.4% KIR telah menerima bantuan zakat daripada KEDA dan juga Jabatan Pertanian.



Rajah 26. Agensi yang terlibat

6. Kesimpulan

Secara dasarnya, dapatlah disimpulkan bahawa, masyarakat Melayu pesisir pantai masih mempunyai taraf hidup yang rendah bagi indikator pendapatan, jaminan kewangan, merokok, kemahiran ICT, masa bekerja, masa berehat, masa tidur dan kekeluargaan. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan masyarakat melayu masih berhadapan dengan beberapa permasalahan di sekitar kawasan kediaman mereka. Ini secara tidak langsung telah memberi kesan negatif kepada kehidupan seharian mereka. Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masyarakat ini

masih tidak berpuashati dengan peranan yang telah dimainkan oleh pihak kerajaan bagi membangunkan kawasan pesisir pantai.

Indikator yang telah dibincangkan merupakan elemen penting sebagai petunjuk kepada taraf hidup atau kualiti hidup masyarakat pesisir pantai. Sejak merdeka, pelbagai usaha telah dijalankan untuk meningkatkan kualiti hidup semua lapisan masyarakat seperti menyediakan peluang meningkatkan pendapatan, kesihatan, perumahan, kemudahan asas yang lain dan persekitaran pekerjaan yang lebih baik. Walau bagaimanapun peningkatan kualiti hidup masih tidak dapat dinikmati secara menyeluruh oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, pihak kerajaan perlu memainkan peranan penting dari aspek penyediaan prasarana, kursus dan latihan, khidmat nasihat, pemasaran, penguatkuasaan, penyelidikan dan pembangunan nelayan.

Rujukan

- [1] Fabbri, Karen P. "A methodology for supporting decision making in integrated coastal zone management." *Ocean & Coastal Management* 39, no. 1 (1998): 51-62.
- [2] Clark, John R. "Coastal zone management for the new century." *Ocean & Coastal Management* 37, no. 2 (1997): 191-216.
- [3] Koninck, R. de. *Malay peasants coping with the world: breaking the community circle?*. Institute of Southeast Asian Studies, 1992.
- [4] Hayati, Nor. "Keluar Dari Lingkaran Kemiskinan: Mobiliti Sosial di Kalangan Komuniti Pesisir Pantai, Kuala Terengganu." PhD diss., Universiti Utara Malaysia, 2010.
- [5] Embong, Abdul Rahman. *Pembangunan negara, komuniti dan insan melampaui 2020*. Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, 2007.
- [6] Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. 2011. Laporan tahunan. Kuala Lumpur. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- [7] Mokhzani Abdul Rahim. 2006. Credit in a Malay peasant economy. Kuala Lumpur: Arus Intelek and Faculty of Economics & Administration, Universiti Malaya.
- [8] Embong, Abdul Rahman. *Pembangunan negara, komuniti dan insan melampaui 2020*. Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, 2007.
- [9] Aziz, Ungku A. "Jejak-jejak di pantai zaman." (1975).
- [10] Ibrahim Mamat & Nor Hayati Sa'at. 2007. Budaya dan Perubahan Sosiobudaya Komuniti. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- [11] Yusrizal, Ahmad. "Kualiti Hidup dan Hubungannya dengan Kualiti Perkhidmatan serta Kepuasan Pelanggan: Satu Kajian ke Atas Peserta Program Ladang Kontrak." PhD diss., Universiti Utara Malaysia, 2013.
- [12] Norizan Mohd Noor. 2000. Petunjuk Bandar sebagai Alat Penerapan Konsep dalam Pengutusan dan Pembangunan Bandar di Malaysia. Environmental Management Issues and Challenges in Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [13] Azahan Awang, Abdul Samad Hadi, Jamaluddin Md Jahi, Asmah Ahmad & Abdul Hadi, Harman Shah. (2006). Mendefinisi Semula Makna Kualiti Hidup Masyarakat Bandar Dalam Konteks Ilmu Sosial. Malaysian Journal of Environmental Management. 7: 19-32.
- [14] Uma, Sekaran, and Bougie Roger. "Research methods for business: A skill building approach." *book* (2003).